

Pak Lah mahu serah Umno teguh

BH - 27/1/2004, m/s: 1,4

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan menyerahkan Umno sebagai parti yang kuat kepada penggantinya apabila tiba masanya nanti seperti mana dilakukan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Presiden Umno itu berkata, doa Dr Mahathir ketika mula memimpin parti pada 1981 iaitu untuk menyerahkan Umno dalam keadaan mantap kepada

pengganti, termakbul.

"Allah makbulkan doa Tun dan hasratnya itu tercapai. Umno hari ini adalah parti yang kuat dan dihormati. Buktinya dalam pilihan raya umum lalu, Umno menang banyak kerusi.

"Saya pun mempunyai niat yang sama... bila tiba masanya nanti saya serah kepada pengganti, Umno juga berada dalam keadaan kuat dan kukuh," katanya berucap pada Jamuan Majlis Penghargaan dan Terima Kasih Umno kepada Dr Mahathir di Dewan Tun Razak, Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi.

Hadir sama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor selain semua Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) termasuk Ketua dan Exco Wanita, Pemuda dan Puteri Umno.

Kira-kira 3,500 orang hadir yang mewakili 191 bahagian Umno di seluruh negara, selain wakil parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir adalah Presiden Umno kelima dan Perdana Menteri keempat iaitu selama 22 tahun daripada 1981 hingga 31 Oktober tahun lalu.

Jawatan Perdana Menteri itu diserahkan kepada Abdullah dalam peralihan kuasa yang sempurna pada 31 Oktober tahun lalu.

Dr Mahathir menyerahkan parti yang kukuh kepada Abdullah - menepati janji beliau 22 tahun sebelum itu selepas mengambil alih

LIHAT MUKA 4 ►